

Received	23 August 2024	Accepted	23 August 2024
Revised	30 September 2024	Published	1 December 2024
Volume	5, December 2024	Pages	25-34
http://doi.org/			
To cite: Khairuzaman Kadir & Zakiah Salleh. 2024. Kepentingan pengetahuan terhadap i'jaz al-Quran al-Karem kepada para pendakwah. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 5 (December 2024): 25-34 DOI: http://doi.org/			

Kepentingan Pengetahuan terhadap I'jaz al-Quran al-Karem kepada Para Pendakwah

The Importance of Knowledge of the I'jaz Al-Quran for Da'wah Practitioners

Khairuzaman Kadir¹ & Zakiah Salleh²

Abstrak

Pelbagai mukjizat al-Quran yang boleh dicungkil dan dikaji secara berterusan sebagai ilmu pengetahuan sepanjang zaman kerana ia merupakan Kalamullah al-Qadem. 'Ijaz al-Quran adalah merujuk kepada mukjizat yang terdapat di dalam ayat-ayat al-Quran al-Karem bagi membuktikan bahawa ia merupakan wahyu daripada Allah s.w.t yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. Pengetahuan berkaitan 'Ijaz al-Quran merupakan satu elemen penting kepada para du'at dalam usaha menyebarkan dakwah Islam, bagi menjamin keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan dan membina keyakinan diri para pendakwah. Perkara ini berkaitan aspek keindahan bahasa, keunikan dan seni struktur dan fakta saintifik yang terkandung di dalam al-Quran dan pelbagai lagi bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain. Di samping itu, penguasaan ilmu 'Ijaz al-Quran dapat membantu para pendakwah menjawab pelbagai persoalan daripada masyarakat dengan lebih efisien dan hikmah. Seterusnya, para pendakwah mampu menggunakan dalil-dalil al-Quran dengan lebih efektif dalam berhujah dan meyakinkan mad'u (sasaran dakwah) tentang kebenaran ajaran Islam. Pengetahuan yang mendalam berkenaan 'Ijaz al-Quran akan dapat menambah keimanan dan keyakinan serta kefahaman yang jitu terhadap ayat-ayat al-Quran kepada para pendakwah serta para mad'u. Dalam dunia yang semakin rencam dan mencabar dengan pelbagai kemajuan teknologi

¹ Khairuzaman Kadir, Guru Bahasa di Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Zakiah Salleh, Guru di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu (SAMT KKB), Hulu Selangor, Selangor, Malaysia.

moden, maka pengetahuan I'jaz al-Quran yang mendalam akan menjadikan para pendakwah mampu untuk menyesuaikan metodologi dakwah mereka mengikut keperluan masyarakat. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan bagi para pendakwah mendalami ilmu I'jaz al-Quran sebagai persiapan dalam menyampaikan dakwah yang lebih berkesan dan relevan.

Kata kunci: I'jaz , du'at, mad'u, dakwah Islam, mukjizat al-Quran, pendakwah.

Abstract

Various miracles of the Quran that can be unearthed and studied continuously as knowledge throughout the ages because it is Kalamullah al-Qadem. I'jaz al-Qur'an refers to miracles found in the verses of al-Quran al-Karem to prove that it is a revelation from Allah s.w.t revealed to Prophet Muhammad s.a.w. Knowledge related to I'jaz al-Quran is an important element for du'at in the effort to spread Islamic preaching, to guarantee the effectiveness of the delivery of knowledge and build self-confidence of the preachers. This matter is related to aspects of the beauty of language, the uniqueness and art of the structure and scientific facts contained in the Quran and various other fields of knowledge. In addition, mastering the knowledge of I'jaz al-Quran can help preachers answer various questions from the community with more efficiency and wisdom. At the next level, the preachers are able to use the arguments of the Quran more effectively in arguing and convincing the mad'u (the target of preaching) about the truth of Islamic teachings. In-depth knowledge about I'jaz al-Quran will be able to increase faith and confidence and accurate understanding of the verses of the Quran to preachers and mad'u. In a world that is increasingly challenging and challenging with various advances in modern technology, a deep knowledge of I'jaz al-Quran will make preachers able to adapt their preaching methodology according to the needs of society. Therefore, it is a necessity for preachers to study the knowledge of I'jaz al-Quran as a preparation for delivering more effective and relevant preaching.

Keywords: I'jaz, du'at, mad'u, Islamic preaching, miracles of the Quran, preacher.

Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w. lebih dari 1446 Hijrah tahun yang lalu. Ia juga merupakan satu panduan lengkap untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi kepada seluruh manusia, kerana setiap ajaran al-Quran membawa dan menyeru manusia kepada kebaikan. Al-Qurqn juga dikenali sebagai Mukjizatul Kubro iaitu sebuah kitab yang dikurniakan kepada junjungan besar nabi Muhammad s.a.w., yang merupakan mukjizat teragong di antara seluruh para nabi dan rasul. Oleh itu,

‘ijaz al-Quran merupakan satu kosep keistimewaan al-Quran tidak dapat ditandingi oleh seluruh jin dan manusia. ‘Ijaz al-quran ini merupakan satu elemen yang kukuh dan konsisten untuk membuktikan ketidakupayaan sesiapa sahaja sama ada daripada jin dan manusia untuk mencipta ayat, surah atau sebuah kitab yang setara dengannya. Kata ‘ijaz secara literal memberi maksud melemahkan atau menjadikan sesuatu itu tidak mampu atau tiada daya upaya. Manakala dalam konteks al-Quran pula, ia membawa maksud ketidakmampuan dan ketidakupayaan manusia untuk menandingi, meniru atau mencipta sesuatu yang setara dengan keindahan struktur, makna dan isi kandungannya. Artikel ini akan mengulas berbagai dimensi ‘ijaz al-Quran, termasuk aspek bahasa, ilmiah dan petunjuk yang diberikannya.

Secara terminologi, ‘ijaz mengacu pada kemampuan al-Quran untuk melemahkan semua upaya manusia dalam cuba meniru atau mencipta sesuatu yang serupa dengan Al-Quran. Allah s.w.t. sendiri mencabar manusia untuk menghasilkan satu surah sahaja yang sebanding dengan al-Quran, seperti dalam surah al-Baqarah ayat 23:

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ لَمِثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴾

Dan jika kamu ragu-ragu tentang Al-Qurān yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka buatlah satu surah yang semisal dengannya dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar.

(surah Al-Baqarah: 23)

Ayat ini menunjukkan cabaran Allah s.w.t. secara jelas kepada seluruh umat manusia dan jin untuk membuat satu surah yang sebanding dengan al-Quran. Namun, hingga hari ini, tidak ada yang mampu melakukannya, meskipun manusia telah mencapai kemajuan luar biasa dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan dan seni sastra dengan bantuan teknologi moden.

﴿ فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ۗ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴾

Maka jika kamu tidak mampu melakukannya dan sememangnya kamu tidak akan mampu melakukannya, maka takutlah oleh mu api neraka yang bahan apinya daripada manusia dan batu, neraka itu dijanjikan untuk orang-orang kafir.

(surah al-Baqarah :24)

Ayat seterusnya memberi jawapan secara konkrit bahawa tiada sesiapa pun yang mampu menandingi ‘ijaz al-Qurān selamanya dan hanya sifat taqwa yang melahirkan keimanan ubudiyah kepada tuhan sahaja yang mampu melenturkan seluruh jiwa manusia untuk menerima al-Qurān secara mutlak. Pengulangan kata Nafi ‘م’ dan ‘ن’ dalam ayat tersebut merupakan nilai ‘ijaz Taukid Lafzi yang memberi makna secara tegas bahawa sememangnya manusia dan jin tidak akan mampu menandingi ‘ijaz al-Quran. Manakala kata Nafi ‘ن’ bertemu dengan kata kerja Mudhāroi (فعل المضارع)

menambah nilai konsep Taukid Lafzi dengan memberi maksud lil-abad (للأبد) iaitu menunjukkan untuk selamanya.

°Ijaz dari Segi Bahasa

Perkataan °ijaz berasal dari kata akar (masdar) *أَعْجَزَ يُعْجِزُ إِعْجَازًا مُعْجِزٌ* yang bermaksud melemahkan, ketidakmampuan atau ketidakupayaan melakukan sesuatu. Asal bagi kata akar *إِعْجَازًا* adalah terdiri daripada tiga huruf (ع-ج-ز) yang memberi makna 'lemah', namun setelah ditambah dengan satu huruf iaitu alif (أ) ia bertukar daripada fe'el Lazim kepada fe'el Muta'addi yang memberi makna 'melemahkan'.

Pengertian °Ijaz dari Segi Istilah

°Ijaz dari segi istilah merujuk kepada aspek keistimewaan yang terdapat di dalam al-Quran secara am atau terfokus sama ada yang tersurat atau tersirat, yang melemahkan dan mengalahkan seluruh makhluk untuk mendatangkan ayat-ayat atau isi kandungan yang mampu menandingi al-Quran atau setara dengannya.

Imam al-Sayuti menyatakan di dalam al-Itqan bahawa °ijaz ialah perkara yang mengatasi hukum adat disertai dengan mencabar bahkan terlepas dari sebarang penentangan. Muhammad Ali al-Sabuny pula menakrifkan °ijaz al-Quran sebagai menetapkan kelemahan semua manusia samada secara individu atau kelompok untuk mendatangkan sesuatu yang serupa al-Quran. Ibnu Khaldun pula dalam Muqaddimah menjelaskan bahawa mukjizat itu ialah perlakuan-perlakuan yang melemahkan manusia untuk menirunya. Manakala al-Qurtubiy pula mengatakan bahawa mukjizat ialah perkara yang berlaku mengatasi adat disertai dengan cabaran dan ianya tidak akan dapat ditandingi oleh para penentang.

Mukjizat merupakan suatu perkara luar biasa dan di luar adat yang hanya berlaku kepada seorang nabi atau rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulannya, di mana setiap nabi dan rasul mempunyai mukjizat mereka yang tersendiri.

Raziq Masrizal menukilkan pendapat Manna' Khalil al-Qaththan, mendefinisikan dengan hal yang sama juga iaitu suatu kejadian yang keluar daripada kebiasaan dan disertai dengan unsur cabaran serta tidak dapat ditandingi. Abu Muhammad Walid Alias menyatakan secara keseluruhannya °ijaz al-Quran ialah mukjizat yang melemahkan kesemua makhluk untuk menandingi atau menyamai al-Quran dalam apa jua bidang samada bahasa, perundangan mahupun kemasyarakatan

Kesimpulannya °Ijaz al-Quran merujuk kepada kekuatan dan keagungan al-Quran sebagai suatu mukjizat daripada Allah yang dikurniakan secara khusus kepada baginda Muhammad s.a.w. yang tidak mampu disaingi, dicabar dan ditiru oleh makhluk.

Kepelbagaian °Ijaz al-Quran

Terdapat pelbagai unsur °ijaz al-Quran yang boleh dikaji secara mendalam oleh para pengkaji dengan melihat kepada sudut kajian yang berbeza. Di antaranya ialah:

1. °Ijaz Dari Aspek Bahasa (I'jaz al-Lughawi)

Di zaman Arab Jahiliyyah bahasa Arab telah mencapai tahap kematangan dan *fasohatul kalam* yang sangat tinggi dari segala sudut. Para pujangga dan penyair Arab yang sangat berwibawa akan datang berkumpul di Souq °Uqaz pada setiap tahun untuk mengadakan pertandingan deklamasi sajak. Sajak yang terbaik dan berjaya mengatasi para penyair lain akan ditulis menggunakan tinta emas dan diabadikan di dinding Kaabah sebagai tanda penghormatan. Namun kedatangan junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. yang merupakan seorang anak yatim piatu yang ummi, dengan ayat-ayat al-Quran wahyu yang disampaikan oleh Jibril a.s. mampu memukau dan mengalahkan para pujangga dan penyair bahasa Arab saat itu yang sangat mahir dalam seni retorika. Firman Allah s.w.t:

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ ﴿١﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٢﴾ ﴾

Tidaklah ia (Muhammad s.a.w) berkata-kata mengikut hawa nafsunya. Tetapi sesungguhnya ia adalah apa yang diwahyukan oleh tuhanNya.

(surah al- Najmu: 3 & 4)

﴿ وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ ﴿١﴾ ﴾

Dan tidaklah kami mengajarkannya syair dan apa-apa yang berkaitan dengannya, tetapi sesungguhnya ia adalah satu peringatan dan Quran yang sangat nyata

(surah Yassin: 69)

Oleh yang demikian, banyak di kalangan ahli bahasa yang teruja dan terpesona dengan gaya bahasa al-Quran secara spesifik dan generik, yang tidak mampu diterjemahkan secara sempurna ke dalam bahasa-bahasa lain tanpa kehilangan makna aslinya. Oleh yang demikian keindahan dan keunikan bahasa al-Quran tetap manjdi mesteri dan unggul sepanjang zaman.

1.1 Maf'ul Mutlaq (مفعول مطلق)

Maf'ul Mutlaq ialah masdar (مصدر) kepada setiap kata kerja (فعل) yang memberi maksud pengukuhan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pelaku (الفاعل) bertujuan untuk menunjukkan peristiwa yang berlaku adalah benar dan sangat berlaku, seperti:

فَعَلٌ = فَعَلًا / صَرَبٌ = صَرَبًا / أَحْسَنَ = إِحْسَانًا / إِسْتَغْفَرَ + إِسْتِغْفَارًا

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang memaparkan elemen maful mutlak bagi tujuan untuk menyatakan bahawa mesej yang disampaikan adalah sangat penting dan sangat penting untuk disampaikan, difahami dan dihayati. Sebagai contoh:

﴿ إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴾

Apabila bumi ini digonjang segonjang-gonjangnya

(surah al-Zalzalah: 1)

﴿ وَتَأْكُلُونَ الثَّرَاثَ أَكْلًا لَمًّا ﴾ ﴿ وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴾ ﴿ كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴾

Sedangkan kamu memakan harta pusaka dengan cara mencampuradukkan (yang halal dan haram) . Dan kamu mencintai harta secara berlebih-lebih. Sekali-kali tidak! Apabila bumi digoncang berturut-turut (berlaga-laga hancur)

(surah al-Fajr: 1-21)

Di dalam ayat-ayat di atas terdapat beberapa lafaz maf'ul mutlaq iaitu (أَكْلًا ، حُبًّا ، دَكًّا ، دَكًّا) yang menunjukkan setiap maksud yang terdapat di dalam ayat-ayat tersebut merupakan sesuatu yang teramat penting. Perkara ini boleh diberi tekanan oleh para pendakwah dalam menghuraikan ayat-ayat al-Quran supaya pendengar akan berasa lebih terkesan dan menghayati ayat-ayat al-Quran.

1.2 Pengulangan Lafaz (تَكَرُّرِ الْفِظ)

Pengulangan Lafaz (تَكَرُّرِ الْفِظ) di dalam ayat-ayat al-Quran yang berfungsi sebagai unsur Taukid (التَوْكِيد) iaitu penguatan dan pengukuhan terhadap maksud yang terkandung di dalam ayat tersebut. Sebagai contoh dalam surah al-Rahman terdapat pengulangan ayat pola soalan yang sama sebanyak 32 kali, iaitu:

﴿ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴾

Maka nikmat tuhan kamu yang mana ingin kamu dustakan?

(Surah al-Rahman: 13)

Pengulangan ayat al-Quran tersebut dengan pola soalan yang sama tetapi versi jawapan yang berbeza-beza adalah sebagai Taukid kepada isi kandungan dan mesej ayat tersebut. Ayat ini menyatakan tiada satu pun nikmat *hissi* dan *maknawi* yang terlepas daripada kurniaan Allah s.w.t. di atas sifat Rahman dan RahimNya. Pengulangan pertanyaan dengan struktur soalan yang sama untuk isu yang sama, menunjukkan betapa pentingnya perkara tersebut. Ia juga menjadikan *mukhotab* kepada soalan tersebut iaitu jin dan manusia akan terkedu, tiada lagi helah dan cara untuk menjawab soalan tersebut, yang tinggal hanya pengakuan secara ubudiyah kepada tuhanNya. Maka sesungguhnya sangat wajar kepada para hambaNya bersyukur dan beriman kepada Allah s.w.t. Hal ini perlu ditekankan oleh pendakwah kepada para pendengar dan masyarakat, agar mereka sedar dan dapat merasai bahawa kewujudan segala nikmat dalam kehidupan mereka adalah kurniaan Ilhai.

1.3 Psikolinguistik Bahasa Arab

Psikolinguistik merupakan satu kajian terhadap faktor-faktor psikologi dan neurobiologi yang membolehkan manusia memperoleh, menggunakan dan memahami bahasa. Bahasa Arab daripada ayat-ayat al-Quran mampu mempengaruhi psikologi dan neurobiology manusia jika dibaca dan difahami dengan baik. Bacaan ayat-ayat al-Quran yang dibaca oleh seorang qari dengan taranum yang baik akan dapat mempengaruhi emosi dan psikologi seseorang. Bahkan mampu menjadi rawatan alternatif kepada individu. Intonasi dan irama bacaan ayat-ayat al-Quran mempunyai kesan terapeutik. Kajian mendapati bahawa mendengar bacaan Al-Quran

dalam dapat mengurangkan kadar denyutan jantung dan tekanan darah, menunjukkan kesan menenangkan pada sistem saraf, terutamanya jika dibaca dengan nada taranum yang sempurna.

Nur Hidayah Ibrahim (2021) menyatakan hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bacaan al-Quran dapat memberikan kesan positif kepada fizikal, mental dan emosi manusia dan membantu dalam menyembuhkan penyakit. Berdasarkan kepada hasil kajian beliau, dapat dirumuskan bahawa al-Quran juga boleh dijadikan sebagai salah satu medium rawatan alternatif dalam merawat penyakit manusia sama ada yang berbentuk fizikal, mental mahupun emosi melalui kaedah terapi bunyi (suara) . Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Wahai! Manusia sesungguhnya telah datang kepada kamu peringatan daripada tuhan kamu sebagai penawar apa-apa yang ada di dalam dada dan merupakan petunjuk serta Rahmat bagi orang-orang mukmin.

(surah Yunus: 57)

﴿وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Dan kami turunkan daripada al-Quran itu yang merupakan Penawar dan Rahmat kepada orang-orang mukmin dan tiada bertambah bagi orang-orang zalim melainkan kerugian.

(surah al-Isrā: 82)

1.4 Rahsia Huruf-Huruf Hijaiyyah

Al-Quran telah membuka satu lembaran baru dalam pembinaan struktur bahasa Arab kepada para pujangga Arab di zaman nabi Muhammad s.a.w. iaitu dengan mempamerkan pendekatan penggunaan huruf-huruf hijaiyyah sebagai kod rahsia dan misteri di dalam ayat-ayat al-Quran seperti : يس ، الم ، ن ، الر ، كبيعص ، حم

Hal ini menjadikan para pujangga Arab berasa takjub, terkesima, teruja dan penuh rasa kehairanan dengan pendekatan baharu, yang dibawa oleh seorang anak yatim piatu dan ummi iaitu seorang yang tidak pandai membaca, mengira dan menulis. Inilah nilai 'ijaz bahasa Arab dari ayat-ayat al-Quran yang tinggi nilainya, menjangkau dan mendahului minda serta ilmu pengetahuan para pujangga dan penyair di zaman baginda s.a.w. Sehingga hari ini di zaman penuh dengan kemajuan sains dan teknologi canggih serta kemodenan yang pesat, rahsia kod huruf-huruf hijaiyyah bahasa Arab tersebut terus menjadi misteri dan tiada yang mampu menyingkapnya secara spesifik. Perkara ini perlu ditekankan oleh para pendakwah dalam siri dakwah mereka agar terserlah kehebatan nilai 'ijaz ayat-ayat al-Quran al-Karem. Contoh :

﴿كَبِيعَصْ * ذِكْرٌ رَّحِمَتٍ رَبِّكَ عَبْدُهُ زَكَرِيَّا﴾

Kā Ha Ya Aīn Sōd. Ini adalah penjelasan tentang Rahmat tuhan mu kepada hambaNya Zakaria.

(surah Maryam: 1 & 2)

1.5 I'jaz Ilmiah (I'jazul 'Ilmi)

Aspek lain dari i'jaz al-Quran adalah dari sudut ilmiah yang terkandung di dalam ayat-ayatnya yang sangat luas menjangkau secara menyeluruh. berkaitan kejadian penciptaan sekalian makhluk dan ketuhanan. Hal ini tidak mampu dilakukan oleh sesiapa sahaja daripada bangsa jin dan manusia. Namun perkhabaran ini telah dibawa dan disampaikan oleh seorang manusia bernama Muhammad s.a.w. yang tiada asas pembelajaran tetapi bersifat Fatonah.

Walaupun al-Quran bukan merupakan satu buku sains tetapi ia mengandungi banyak fakta-fakta ilmu sains yang terbukti benar dengan penemuan-penemuan kontemporeri oleh para ahli sains di zaman teknologi sekarang. Sebagai contoh mengenai proses penciptaan manusia bermula dari zigot, embrio, fetus dan bayi. Dalam surah Al-Mu'minin ayat 13 dan 14, Allah s.w.t. telah menjelaskan asal kejadian manusia daripada air mani dan tahap-tahap perkembangan embrio manusia.

﴿ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النَّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۖ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾﴾

Kemudian Kami jadikan air mani (yang disimpan) di tempat yang kukuh (rahim). Kemudian, air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikannya makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah, Pencipta yang paling baik.

(surah al-Mukminun: 13 & 14)

Proses penciptaan manusia ini telah disampaikan oleh nabi Muhamma s.a.w. sejak 1446 H yang lalu, sedangkan pada zaman tersebut tiada sebarang peralatan moden dan canggih.

1.6 Kejadian kosmos

Fenomena kejadian kosmos atau alam semesta ini telah dikhabarkan oleh baginda nabi Muhammad s.a.w. melalui ayat-ayat al-Quran. Ini merupakan satu nilai 'ijaz al-Quran yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa. Nabi Muhammad s.a.w. telah menceritakan penciptaan kosmos dengan membacakan ayat-ayat al-Quran al-Karem dan menjadikan para cendekiawan dan pujangga bahasa Arab pada masa itu terpegun, terpinga-pinga dan tertanya-tanya kebenaran penceritaan tersebut yang disampaikan oleh seorang manusia. Bagaimana mungkin seseorang boleh menceritakan sesuatu yang di luar kotak pemikiran manusia lain secara *tolaqah* dan bahasa Arab *fasohah* kalam. Contohnya:

﴿فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ ﴿٣٧﴾﴾

Maka apabila langit telah terbelah dan menjadi merah mawar seperti (kilauan) minyak.

(surah al-Rahman: 37)

﴿ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ ۚ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴾

Tidaklah mungkin bagi matahari mengejar bulan dan malam pun tidak akan dapat mendahului siang. Masing-masing beredar pada garis edarannya (orbitnya)

(surah Yassin: 40)

Namun penceritaan kejadian kosmos telah yang telah disampaikan oleh baginda nabi Muhammad s.a.w. sejak 1446 tahun yang lalu, terbukti kebenarannya pada zaman sekarang dengan pembuktian secara saintifik menggunakan teknologi moden dan canggih.

﴿ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا ۚ وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴾

Dan adakah orang-orang kafir tidak mengetahui bahawa langit dan bumi, kedua-duanya dahulu satu kemudian Kami pisahkan antara kedua-duanya, dan Kami jadikan segala sesuatu yang hidup berasal daripada air, maka mengapa mereka tidak beriman?

(Surah al-Ambiā : 30)

Ayat di atas menjelaskan asal usul alam semesta dalam surah al-Anbiyā ayat 30, dengan menyatakan bahwa langit dan bumi dahulunya adalah satu kesatuan yang kemudian dipisahkan, yang konsisten dengan teori Big Bang. Penjelasan ini tidak mungkin diketahui oleh nabi Muhammad s.a.w. yang hidup pada abad ke-7, ketika pengetahuan tentang alam semesta masih sangat terbatas.

Kesimpulan

‘Ijaz al-Quran merupakan bukti nyata bahwa al-Quran bukan karya manusia, tetapi ia adalah mukjizat dari Allah s.w.t. Keindahan dan kefasihah bahasa, kebenaran ilmiah yang ditemukan berabad-abad kemudian, serta petunjuk hidup yang komprehensif, semuanya menunjukkan bahwa al-Quran adalah firman Allah s.w.t. yang maha sempurna. Dengan mempelajari, memahami dan mendalami ‘ijaz al-Quran al-Karem, kita pasti akan dapat menghayati secara hakiki kebesaran Allah s.w.t. dan keajaiban kitab suciNya.

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim.
2. Abdul Qahir Al-Jurjani. 1954. *Dalail Al-I'jaz* (cetakan moden, edisi kritikal oleh Dr. Muhammad Rashid Ridha). Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
3. Al-Baqillani. 1997. *I'jaz Al-Quran* (edisi baru yang diedit oleh Abdullah Ibrahim Anis). Mesir: Dar Al-Ma'arif.
4. Al-Burhan fi I'jaz Al-Quran.
5. Al-Itqan fi 'Ulum Al-Quran. 2005. Jalaluddin Al-Suyuti (edisi cetakan moden). Mesir: Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyyah.

6. Al-I'jaz Al-Ilmi fi Al-Quran. 2007. Dr. Zaghloul El-Naggar. Mesir: Dar Al-Shorouk.
7. Dr. Bassam Saeh. 2003. *The Linguistic Miracles of the Quran*.
8. Dr. Maurice Bucaille. 1976. *I'jaz Al-Quran from a Modern Scientific Perspective*.
9. Dr. Yasir Qadhi. 2011. *Scientific Inimitability of the Quran: Its Historical Development*.
10. Dr. Zakir Naik. 2006. *Scientific Miracles in the Holy Quran*. Mumbai: Islamic Research Foundation.
11. Harun Yahya. 2001. *The Miracles of the Qur'an*. New Delhi: Goodword Books.
12. Harun Yahya. 2005. *Miracles of the Quran*. Laman Web: harunyahya.com.
13. Imam Al-Jurjani. 1982. *Al-Burhan fi I'jaz Al-Quran* (cetakan moden). Mesir: Dar Al-Ma'arif.
14. Journal: *Al-Azhar Journal*. Al-Azhar University Press, Mesir.
15. Journal: *The Islamic Quarterly*. The Islamic Cultural Centre, London.
16. Muhammad Raziq Masrizal. 25 Januari 2022. *I'jaz Ilmi Al-Quran dalam Penggunaan Kata Sama' dan Basar*. Seminar Semantik Al-Quran 1.0 (SEMANTIQ). Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
17. Nur Hidayah Ibrahim Star. *Kesan Bacaan Al-Quran Ke Atas Fizikal, Mental Dan Emosi Manusia: Suatu Sorotan* [The Effect of Reading The Quran On The Physical, Mental And Emotional Humans: A Highlight].
18. Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi. 2008. *I'jaz Al-Quran dan Sains*. Laman Web: Islamonline.net.
19. Sheikh Tantawi Jawhari. 1967. *I'jaz Al-Bayani fi Al-Quran*.
20. Tafsir Ibnu Katsir.